



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **KELUARGA DAN TEKNOLOGI BAHARU DIPILIH SEBAGAI TEMA HARI KELUARGA ANTARABANGSA (HKA) 2021**

**15 MEI, PUTRAJAYA** - Keluarga dan Teknologi Baharu (*Families and New Technologies*) telah dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai tema sambutan Hari Keluarga Antarabangsa tahun ini.

Tema ini bertepatan dengan pembudayaan norma baharu serta penggunaan teknologi digital yang semakin meningkat dalam perhubungan, pekerjaan, pendidikan dan perniagaan kesan daripada perubahan zaman dan pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia pada masa ini.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan beberapa siri tinjauan pendapat umum berkaitan kesan COVID-19 terhadap institusi keluarga pada tahun 2020 hingga 2021 dan ia selari dengan tema berkenaan. Antara penemuan yang didapati melalui tinjauan tersebut adalah lebih separuh daripada responden menyatakan bahawa penggunaan teknologi digital semasa bekerja dari rumah telah meningkatkan tahap produktiviti kerja mereka dan majoriti ibu bapa bersetuju akan pentingnya pembelajaran anak-anak secara dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah membantu mereka dalam memastikan proses pembelajaran anak-anak dapat diteruskan.

Kerajaan turut menggerakkan inisiatif Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) di bawah pelbagai kluster melibatkan sektor Kerajaan dan swasta bagi mencapai pembangunan sosio ekonomi mampan melalui ekonomi digital. KPWKM mengambil peranan menerajui Kluster Masyarakat yang memfokuskan kepada usaha-usaha meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti ekonomi digital dengan turut mementingkan keseimbangan pembangunan daripada sudut sosial.

Menerusi kerjasama LPPKN, UNICEF dan Universiti Putra Malaysia (UPM), program rintis pendidikan keibubapaan menerusi aplikasi *whatsapp* telah diperkenalkan yang dilaksanakan khusus kepada golongan keluarga berpendapatan rendah di komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR). Manakala bagi kumpulan sasar di luar bandar, LPPKN dengan kerjasama agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sedang mengadakan siri kursus keibubapaan dalam talian bagi memberi peluang ibu bapa di luar bandar turut mendapat pendidikan kekeluargaan menerusi kemudahan Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara. Kesemua inisiatif yang dinyatakan ini berkait rapat dengan penggunaan teknologi baru khususnya teknologi digital bagi memastikan pembangunan masyarakat yang menyeluruh bermula dengan institusi keluarga.

Kebanyakan keluarga turut menerima kesan dengan pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Rumah (PDPR) serta peluasan mesyuarat secara dalam talian tidak kira di sektor awam ataupun sektor swasta. Semua pihak perlu beradaptasi dengan cepat untuk menyesuaikan diri menggunakan pelbagai teknologi baru untuk kedua-dua tujuan ini. Sememangnya teknologi membawa seribu satu kemajuan (*advancement*) dan kelebihan (*advantage*) namun perlu diingat ia mestilah digunakan dengan penuh berhemah.

Sehubungan itu, bersempena sambutan Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun ini, ibu bapa disarankan untuk sama-sama berusaha meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi khususnya aplikasi digital bagi membimbing anak-anak menggunakan teknologi secara berhemah dan berfaedah tanpa mengasingkan nilai dalam sesbuah keluarga serta masyarakat. Selain itu teknologi-teknologi yang ada haruslah dimanfaatkan secara optimum untuk tujuan pengukuhan institusi keluarga khususnya dalam era pandemik ini.

###

**Disediakan oleh :**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**